

08/05/1997

Mahathir tiba di Cape Town untuk lawatan singkat

CAPE TOWN, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan sehari ke Afrika Selatan, negara terakhir yang dikunjunginya dalam rangka lawatan seminggu ke tiga negara selatan Afrika.

Dr Mahathir sebelum ini melawat Republik Malawi dari 1 hingga 2 Mei dan Botswana dari 3 hingga 6 Mei.

Ketika di Botswana, Perdana Menteri menghadiri dialog Antarabangsa Selatan Afrika mengenai Perkongsian Pintar yang bermula pada 4 Mei di Kasane, kira-kira 1,300 kilometer di utara Gaborone, ibu kota Botswana.

Perdana Menteri yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di pangkalan tentera udara Ysterplaat di Cape Town kira-kira jam 10.45 pagi (4.45 petang waktu Malaysia).

Mereka disambut Pemangku Menteri Luar Afrika Selatan, Stella Sigcau.

Dalam lawatan singkatnya di sini, Dr Mahathir menerima anugerah Order of Good Hope (Class 1): Grand Cross (Gold) daripada Presiden Nelson Mandela di Genanenda, kediaman rasmi Presiden.

Ia adalah anugerah tertinggi oleh Republik Afrika Selatan sebagai penghormatan kepada rakyat negara lain yang melalui usaha peribadi mereka, menyumbang kepada kesejahteraan rakyat Afrika Selatan.

Perdana Menteri yang melakukan lawatan rasmi pertamanya ke Afrika Selatan pada Ogos 1995, turut merasmikan Serting House, ibu pejabat syarikat Malaysia, Serting Berhad.

Dr Mahathir juga dijadual menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara CN Asia Corporation Berhad dan Dorbyl Heavy Engineering Afrika Selatan.

Dr Mahathir dijangka berlepas dari Cape Town ke Kuala Lumpur pada jam 5.20 petang (11.20 malam waktu Malaysia).

Beliau dijadual tiba di tanah air pada 1.30 petang esok.

Selain Serting, syarikat terkemuka Malaysia lain yang banyak melabur di Afrika Selatan ialah Petronas dengan ekuiti permulaan 30 peratus atau 1.9 bilion Rand (kira-kira RM1 bilion) dalam syarikat minyak Afrika Selatan - Engen; Mycom Berhad, Country Heights, Sime Darby, Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) dan SungeiWay Group.

Ketika lawatan Mandela ke Malaysia Mac lalu, tiga lagi syarikat Malaysia menandatangani perjanjian secara berasingan dengan syarikat Afrika Selatan, dua daripadanya melibatkan pelaburan RM2.63 bilion.

Perjanjian itu antara Jaringan Infrastructure Sdn Bhd dan Plessey Afrika Selatan; ABI Construction Sdn Bhd dan Trakprops 31 Pty Ltd serta Diversified Systems Sdn Bhd; dan Malefane Entertainment (Pty) Ltd.

Telekom Malaysia Berhad juga berjaya memperolehi 30 peratus saham dalam Telkom SA bernilai RM2.127 bilion. - Bernama

(END)